
**DEKLARASI DARI MESYUARAT PENYELARASAN TAHUNAN KEMENTERIAN HAL
EHWAL LUAR NEGERI BAGI NEGARA ANGGOTA OIC YANG MENENTANG
ISLAMOPHOBIA**

Ibu Pejabat PBB, New York, 24 September

Kami, Menteri Hal Ehwil Luar Negeri dan Ketua-ketua Perwakilan Pertubuhan Persidangan Islam, melalui penyertaan dalam Mesyuarat Penyelarasan Tahunan bagi Menteri-menteri Luar OIC yang telah diadakan di New York pada 24 September 2010 di bawah motto 'Memerangi Islamophobia' ingin mengisytiharkan perkara-perkara berikut:

Dengan mempertimbangkan kepentingan dialog antara tamadun dan pengembangan hubungan serta kerjasama antara Dunia Islam dan budaya serta tamadun lain, kami menyatakan semula komitmen kami untuk meneruskan usaha melibatkan diri dengan Barat dalam menonjolkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar di samping bersama menangani segala cabaran. Namun begitu, kami menyatakan rasa kesal dan keprihatinan yang mendalam terhadap tindakan Islamophobia yang semakin meningkat, sikap tidak bertoleransi dan kebencian terhadap umat Islam yang semakin menjadi-jadi serta beberapa tindakan keganasan yang telah dilakukan terhadap umat Islam di sesetengah masyarakat Barat.

Kami berpendapat bahawa budaya keamanan dan toleransi antara kaum dan agama yang cuba dicapai oleh masyarakat antarabangsa berada di bawah ancaman pihak fanatik yang nadir lagi melampau dan dari wacana xenophobia yang meluas oleh minoriti pelampau politikus yang, demi kepentingan politik setempat, mengeksploitasi masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat mereka bagi membangkitkan kebencian terhadap Islam dan umat Islam melalui stereotaip negatif dan fitnah.

Kami amat percaya bahawa fitnah terhadap Islam yang menjurus ke arah menjatuhkan maruah dan menafikan sifat kemanusiaan umat Islam, kepercayaan dan tokoh-tokoh suci mereka, memberikan satu penghinaan terhadap naluri berasaskan agama, melemahkan kehormatan mereka dan melanggar hak asasi mereka yang turut mengancam kepelbagaian budaya masyarakat. Kami menolak segala perbuatan dan cubaan menipu untuk mengaitkan Islam dengan keganasan. Kebenaran akan diketahui jua. Islam agama yang mencerminkan keamanan melalui tatanamanya. Stereotaip sebegini boleh mencetuskan diskriminasi dan mendatangkan keburukan dan cabaran pelbagai dimensi terhadap keamanan, keselamatan dan kestabilan di peringkat global dan serantau.

Di samping kami menyokong semua inisiatif yang bertujuan mempamerkan kesederhanaan, toleransi dan menggalakkan dialog bagi mengelak keganasan dan sikap melampau, kami menyeru masyarakat antarabangsa untuk melakukan usaha bersama bagi menghalang hasutan kebencian dan diskriminasi terhadap umat Islam serta mengambil langkah-langkah yang berkesan agar tidak menggalakkan stereotaip negatif terhadap individu atas dasar agama, kepercayaan atau bangsa. Kami menjemput masyarakat antarabangsa atas dasar prinsip dan amalan untuk teguh menentang semua kempen xenophobia yang cuba menyemai perasaan takut dan langkah-langkah diskriminasi yang membahayakan kehidupan yang aman dalam kalangan budaya, tamadun dan bangsa serta membina persekitaran negatif yang kondusif kepada

keganasan dan pelanggaran hak asasi individu atau masyarakat. Kami juga menyeru masyarakat antarabangsa untuk mengambil langkah-langkah konkrit ke arah memupuk persekitaran yang menghormati semua agama.

Kami menyeru ke arah kesedaran global mengenai implikasi bahaya atas peningkatan Islamophobia terhadap keamanan dan keselamatan dunia serta menyeru pemimpin-pemimpin masyarakat antarabangsa untuk menunjukkan kehendak politik mereka secara kolektif bagi menangani isu ini dengan segera. Kami menekankan keperluan untuk membangunkan satu instrumen institusi yang mengikat dan sah di sisi undang-undang di PBB, termasuk Suruhanjaya Hak Asasi (HRC), bagi menggalakkan penghormatan kepada semua agama dan nilai budaya serta mencegah sikap tidak bertoleransi, diskriminasi dan hasutan kebencian terhadap sebarang kumpulan atau pengikut sebarang agama.

Kami menyeru Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk menubuhkan sebuah badan peninjau di pejabat beliau yang bertujuan untuk memantau dan mendokumentasikan perbuatan yang membawa kepada hasutan kebencian, permusuhan dan keganasan agama. Dengan merujuk kepada satu episod malang baru-baru ini yang berkaitan dengan 'Hari Membakar Al-Quran', kami merakamkan penghargaan terhadap kenyataan kukuh dan berprinsip yang dibuat oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat serta pemimpin masyarakat dan agama serta pemimpin dunia. Kami menekankan bahawa dialog antara tamadun berdasarkan sikap saling menghormati dan persefahaman dalam kalangan rakyat perlu digunakan secara berkesan untuk menggalakkan kebajikan dan kemajuan manusia serta untuk mengukuhkan keamanan dan keselamatan antarabangsa, toleransi dan keharmonian global.

Kami meminta Ketua Setiausaha OIC agar meneruskan inisiatifnya dalam usaha untuk menangani Islamophobia secara berkesan melalui perbincangan dan pertimbangan di pelbagai forum antarabangsa.

*Disediakan oleh:
Badan Tinjauan Islamophobia OIC
May 2010 – April 2011*

*Diterjemahkan oleh;
Bahagian Pengurusan Dakwah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Ogos 2011*

DECLARATION BY THE ANNUAL COORDINATION MEETING OF MINISTERS OF FOREIGN AFFAIRS OF OIC MEMBER STATES ON COUNTERING ISLAMOPHOBIA

UN Headquarters, New York 24 September 2010

We, the Ministers of Foreign Affairs and Heads of Delegation of the Member States of the Organization of the Islamic Conference, participating at the Annual Coordination Meeting of the OIC Foreign Ministers, held in New York on 24 September 2010 under the motto of "Countering Islamophobia" declare the following:

While considering the importance of dialogue among civilizations and expansion of relations and cooperation between the Islamic World and other cultures and civilizations, we reiterate our commitment to continue efforts in engaging with the West in projecting the true tenets of Islam, and countering common challenges. However, we express profound regret and deep concern at the increasing acts of Islamophobia, growing trend of intolerance and hatred towards Muslims, and mounting number of acts of violence against Muslims in some Western societies.

We are of the view that the culture of peaceful coexistence and inter-communal and interreligious tolerance that the international community is trying to achieve, is under threat from marginal and extremist fanatics and from the pervasive xenophobic discourse of a minority of extremist politicians who, for the sake of domestic political gains, exploit the socio-economic difficulties faced by their societies to foment hatred against Islam and Muslims through negative stereotyping and defamation.

We strongly believe that defamation of Islam geared towards denigrating and dehumanizing Muslims, their beliefs and sacred personalities, insults the deep-seated religious feelings, undermines their dignity and violates their fundamental human rights thus threatening the multicultural fabric of the societies. We reject all acts and attempts of distortion to associate Islam with terrorism. Nothing could have been farther from the truth. Islam is a religion that implies peace by its very nomenclature. Such stereotyping leads to discrimination and poses grave and multidimensional challenges to global as well as regional peace, security and stability.

While we support all initiatives aiming at promotion of moderation, tolerance and encouraging dialogue for shunning violence and extremism, we call upon the international community to make collective efforts to prevent incitement to hatred and discrimination against Muslims and to take effective measures to discourage negative stereotyping of people on the basis of religion, faith or race. We invite the international community both in terms of policy and practice to stand against all xenophobic campaigns of fear-mongering and discriminatory measures that endanger peaceful coexistence among cultures, civilizations and nations and create a negative environment conducive to violence and violation of human rights of individuals and communities. We also call upon the international community to make concrete measure with a view to fostering an environment of respect for all religions.

We call for a global awareness on the dangerous implications of the rise of Islamophobia on world peace and security and call on the leaders of the international community to demonstrate their collective political will to address the issue with all urgency. We emphasize the need to develop, at the UN, including the HRC, a legally binding

institutional instrument to promote respect for all religions and cultural values and prevent intolerance, discrimination and the instigation of hatred against any group or followers of any religion.

We call upon the UN High Commissioner for Human Rights to set up an observatory at her office aimed at monitoring and documenting acts that led to incitement to religious hatred, hostility and violence. With reference to the recent unfortunate episode pertaining to the "Burn a Koran Day", we express our appreciation for the strong and principled statements made by the US authorities as well as community and religious leaders and world leaders. We emphasize that inter-civilizational dialogue based on mutual respect and understanding amongst peoples should be effectively used for promoting human welfare and progress and for strengthening international peace and security, tolerance and global harmony.

We request the OIC Secretary General to continue his initiatives in order to effectively counter Islamophobia through discussions and deliberations at various international fora.

*Prepared by:
The OIC Islamophobia Observatory
May 2010 – April 2011*